



JPPM/2026/07

SIARAN MEDIA

JPPM TIADA KEPENTINGAN DALAM URUSAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

PUTRAJAYA, 9 Mei – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menyangkal dakwaan dan penularan kenyataan palsu di media sosial yang melibatkan JPPM Negeri Sarawak serta pegawai jabatan berhubung pengurusan dan pentadbiran pertubuhan Orang Ulu National Association (OUNA).

Segala keputusan dibuat sepenuhnya mengikut peruntukan Akta Pertubuhan 1966, perlembagaan pertubuhan, prosedur pentadbiran yang berkuat kuasa, penelitian terhadap dokumen dan representasi yang dikemukakan.

JPPM tidak mempunyai kepentingan terhadap mana-mana pertubuhan berdaftar. Pertikaian dalaman adalah tanggungjawab pertubuhan berkenaan untuk diselesaikan mengikut perlembagaan masing-masing.

Sehubungan itu, satu laporan polis telah dibuat bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan oleh pihak berkuasa. JPPM akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis dalam usaha mengesan individu yang terlibat serta mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

JPPM turut mengingatkan orang ramai agar tidak menyebarkan, berkongsi atau mempercayai sebarang maklumat yang tidak disahkan kesahihannya, serta sentiasa merujuk kepada saluran rasmi jabatan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
9 MEI 2026**

-TAMAT-